



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

EKSPORT SARANG BURUNG WALET MALAYSIA KE CHINA DITERUSKAN MENERUSI PEMETERAIAN PROTOKOL BAHARU DENGAN CHINA

CHONGQING, 14 NOVEMBER 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menandatangani *Protocol on Inspection, Quarantine and Hygiene Requirements for the Export of Raw-Unclean Edible-Birdnest and Raw-Clean Edible-Birdnest from Malaysia to the People's Republic of China* bersama pihak **General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC)**, sempena *9th China–ASEAN Ministerial Meeting on SPS Cooperation* yang diadakan di Chongqing, China semalam. Protokol ini menetapkan keperluan teknikal terkini berkaitan pemeriksaan veterinar, kebersihan, pelabelan dan audit bagi pengeksporthan **sarang burung walet (SBW) mentah bersih dan belum dibersihkan ke China**.

Protokol tersebut telah dimeterai oleh **YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu**, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bagi pihak Malaysia dan **H.E. Ms. Sun Meijun, Menteri GACC** bagi pihak China. Ia menggantikan dua protokol yang telah ditandatangani pada tahun 2012 bagi eksport SBW mentah bersih dan pada tahun 2016 bagi eksport SBW belum bersih ke China.

Melalui pemeteraian protokol baharu ini, **Malaysia mengekalkan akses pasaran eksport SBW ke China**, yang merupakan destinasi utama eksport SBW Malaysia. Nilai eksport SBW ke China telah meningkat daripada **201 tan pada tahun 2022 kepada 484 tan pada tahun 2024** dengan nilai dagangan sekitar **RM1.5 bilion setahun**. Pemeteraian protokol ini amat penting bagi memastikan kesinambungan eksport sarang burung walet Malaysia ke pasaran China serta memperkukuh reputasi

Malaysia sebagai pembekal utama produk EBN (*Edible Bird's Nest*) berkualiti tinggi di rantau ini.

KPKM melalui **Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)** akan terus berperanan sebagai *Competent Authority* dalam melaksanakan kawalan veterinar, pensijilan dan pemeriksaan ke atas loji pemprosesan yang berdaftar, dengan kerjasama **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** bagi pengeluaran Sijil Kesihatan dan **Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)** bagi pemeriksaan sebelum dieksport.

Malaysia juga **berhasrat untuk memperluas kerjasama perdagangan pertanian dengan China** termasuk memuktamadkan **protokol baharu bagi eksport produk ayam (*poultry products*)** dalam masa terdekat.

Pelaksanaan protokol ini dijangka memberi manfaat langsung kepada lebih **15,000 pengusaha rumah burung walet** dan **61 loji pemprosesan** yang telah diluluskan oleh GACC, sekali gus meningkatkan daya saing eksport agromakanan negara.

Dikeluarkan oleh:

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

